

Pelan Strategik 2011-2015

UniMAP Sasar Muncul Antara Universiti Terbaik Dunia



KANGAR, 17 Februari 2011 - Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menetapkan sasaran untuk muncul sebagai antara 500 universiti terbaik di dunia menjelang 2020 yang mana teras utamanya ialah melonjakkan aktiviti pengantarabangsaan. Perkara berkenaan dinyatakan oleh Naib Canselor UniMAP semasa Majlis Ucaptama Tahunan Naib Canselor 2011 yang berlangsung pada 17 Februari 2011 di Dewan 2020, Kangar, Perlis.

Selain itu, Pelan Strategik 2011-2015 itu turut merangkumi enam teras strategik yang perlu diberikan perhatian oleh semua warga UniMAP iaitu ekosistem yang kondusif, penyelidikan berimpak tinggi, keunggulan akademik, penciptaan kekayaan yang ketara, tadbir urus gemilang dan siswazah berbakat istimewa.

Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin berkata, teras berkenaan ditetapkan setelah mengambil kira kewujudan aktiviti penarafan dan pemeringkatan seperti SETARA, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), World University Rankings serta dasar-dasar negara yang baru dan lama seperti Misi Nasional, Program 1Malaysia, RMK-10, Model Baru Ekonomi, Pelan Transformasi Kerajaan dan Wawasan 2020.

Menurut beliau, pada masa sama, teras tersebut turut ditetapkan berdasarkan perkembangan ekonomi semasa dunia yang tidak menentu dan menjurus ke arah liberalisasi kewangan yang bakal merubah suasana, persekitaran dan lanskap geo-politik dunia seluruhnya. Beliau yakin sasaran itu mampu dicapai berdasarkan pencapaian universiti itu dalam pelbagai bidang termasuk penyelidikan setakat ini.

Katanya antara 2007 dan 2010, sebanyak 168 hasil penyelidikan UniMAP telah memenangi pingat di peringkat global dan 156 penyelidikan memenangi pingat di peringkat dalam negara. Pencapaian UniMAP dalam pelbagai bidang turut mendapat tempat di media massa dan sepanjang tahun lalu sebanyak 419 berita berkaitan universiti ini disiarkan oleh media-media massa. Tambah beliau, mulai tahun 2011 sehingga 2015, universiti itu memasuki fasa pemantapan dan pemerkasaan yang memerlukan komitmen seluruh warganya.

Pada majlis yang sama, Naib Canselor turut melancarkan penubuhan Majlis Profesor UniMAP iaitu satu badan bebas yang akan menjadi penasihat kepada pengurusan UniMAP dari segi pentadbiran, akademik dan penyelidikan. Majlis ini dipengerusikan oleh Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff.